

Headline **101 Group sumbang RM1 juta untuk penyelidikan UPM**
Date **03. Jul 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **31**
Section **Pendidikan** Article Size **144** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



IOI Group sumbang RM1 juta untuk penyelidikan UPM

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menerima dana penyelidikan sebanyak RM1 juta daripada syarikat pengeluar utama kelapa sawit negara, IOI Group untuk menjalankan penyelidikan bagi mengatasi masalah penyakit reput pangkal pokok tanaman itu yang disebabkan kulat Ganoderma.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata penyelidikan itu perlu dilaksanakan dengan segera kerana serangan kulat berkenaan mengakibatkan penurunan pengeluaran minyak kelapa sawit pada kadar 30 hingga 70 peratus.

Beliau berkata, kajian akan dijalankan menerusi Kursi Tanaman Ladang yang disandang saintis bidang bioteknologi dan biokejurute-

raan dari Portugal, Prof Dr Robert Russell Monteith Paterson.

"Kebanyakan penyelidikan bidang pertanian yang dijalankan UPM menerusi Fakulti Pertanian adalah bagi penanaman kelapa sawit kerana ia komoditi utama negara.

"Selain Lembaga Minyak Sawit Malaysia, sumbangan dana penyelidikan daripada syarikat swasta seperti IOI membantu UPM menjalankan penyelidikan seperti Ganoderma yang dikenal pasti penyakit utama tanaman itu ketika ini," katanya ketika berucap merasmikan Bengkel Kajian Minyak Kelapa Sawit - Ganoderma, di Bangi, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Eksekutif IOI Group, Tan Sri Lee Shin Cheng; Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof

Dr Ghizan Saleh dan Pengarah Institut Pertanian Tropika UPM, Prof Dr Sariah Meon.

Sementara itu, Ghizan, berkata antara fokus penyelidikan adalah merangka kaedah menghapuskan kulat tanpa perlu membakar tanaman terabit bagi mengelakkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

"Sebelum ini, pokok kelapa sawit tua yang reput akan dibakar bagi mengelakkan Ganoderma membiak, namun kaedah itu dikhuatiri menjejaskan kesejahteraan alam sekitar.

"Justeru, penyelidikan ini akan cuba merangka teknik 'zero burning' dalam usaha menghapuskan kulat itu daripada terus membiak dan tidak dijangkiti pokok lain," katanya.